

**BH**  
Berita Harian

» **PERSONALITI**

Hobi memasak dorong cita-cita  
Aisyah untuk berjaya


» D4



**DIDIK**

**UPSR**


\* "Janji yang mana itu Tuanku?"



\* "Hendaklah pada akhir zaman kelak, cucu bapa hamba jangan durhaka kepada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun."

\* Sejarah Melayu (WG Shellabear, 1992 : 20)

**Raja tonggak negara**



**S**ejak tahun 2014, murid Tahun Empat mula mempelajari mata pelajaran Sejarah.

Sisipan *BH Didik* mulai bulan ini menyediakan ruangan untuk subjek berkenaan dengan tumpuan kepada sukatan Sejarah Tahun Lima.

Antara topik disiarkan ialah institusi raja tonggak kedaulatan negara

dan Islam warisan negara.

Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan iaitu kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Ikuti tulisan wartawan *BH Didik*, Norhidayah Che Din mengenai topik berkenaan.

» Lihat muka D2



**BAHASA INGGERIS**

» Kertas 2 : Section A » D8



**SAINS BAHAGIAN A**

» Basic Needs and Life Process » D11



**1MURID 1SUKAN**

» SKSB jaguh sukan sofbol » D4



www.bhpendidikan.com.my



bhpendidikan



bhpendidikan

DIDIK

REDAKSI

PENGARANG URUSAN  
KUMPULAN NSTP  
**Datuk Abdul Jalil Hamid**

PENGARANG KUMPULAN BH  
**Datuk Mahfar Ali**

TIMBALAN PENGARANG  
KUMPULAN BH  
**Badrulhisham Othman**

PENGARANG EKSEKUTIF  
PENGLUARAN / E-PAPER  
**Rosli Safar**

PENGARANG PENDIDIKAN:  
**Fadzlena Jafar**

PENGARANG BERITA  
PENDIDIKAN  
**Ridzuan Yop**  
**Mohd Feroz Abu Bakar**

PENOLONG PENGARANG BERITA  
PENDIDIKAN:  
**Syuhada Choo Abdullah**  
**Khairina Yasin**

PENOLONG PENGARANG  
GRAFIK:  
**Ahmad Radi Harun**

PENYUNTING  
EKSEKUTIF:  
**Rosdi Ismail**  
**Muhammad Fakhri Alias**

PENYUNTING:  
**Rusnita Pechok**

WARTAWAN  
**Norhidayah Che Din**  
**Muhammad Reza Muhsain**

EKSEKUTIF ARTIS:  
**Shuhazmir Selamat**  
**Muhammad Adam**  
**Amiruddin bin Bidin**

ILUSTRATOR  
**Khairul Anuar Md Nor**  
(Yon)

PENGKLANAN  
TEL: 1300226787

BERITA HARIAN  
TEL: 1300226787  
FAXS: 03 2056 7081

PENGEDARAN  
Balai Berita, Kuala Lumpur  
Nadza Affendi/ Faiza Yaacob  
Unit Pendidikan,  
Jabatan Pengedaran NSTP 31, Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur

E-mel atau surat ke alamat:  
bhdidik@bh.com.my atau Unit  
Pendidikan Berita Harian,  
Balai Berita, 31 Jalan Riong,  
59100 Kuala Lumpur.

# Yang di-Pertuan Agong ditabalkan selepas merdeka

Oleh **Norhidayah Che Din**  
norhidayah\_chedin@  
bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**S**istem pemerintahan beraja sudah di-malkan sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka, namun telah mengalami beberapa perubahan semasa penjajahan British di Tanah Melayu dan selepas mencapai kemerdekaan.

Pada zaman Kerajaan Melayu Melaka, sultan mempunyai kuasa mutlak ke atas negerinya dan semua keputusan berkaitan undang-un-

dang dan pentadbiran terletak di tangan sultan.

Semasa penjajahan British, meskipun sultan masih berkuasa sebagai ketua negeri, namun kuasa sultan dikhususkan kepada ketua agama Islam dan adat istiadat sementara British pula menjadi penasihat kepada sultan.

Selepas kemerdekaan, wujud pula sistem Raja Berperlembagaan menerusi Yang di-Pertuan Agong.

Kuasa Yang di-Pertuan Agong tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan manakala kuasa sultan dijelaskan menerusi Perlembagaan Negeri.

Pemerintahan negara diuruskan oleh Perdana Men-



Gambar hiasan.

teri manakala pentadbiran kerajaan negeri diuruskan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Sebagai rakyat, kita haruslah mempertahankan warisan ini demi kemakmuran dan kesejahteraan negara.

## Senarai Yang di-Pertuan Agong (1957- kini)

**1. Yang di-Pertuan Agong Pertama**  
Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman  
ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad  
Negeri: Negeri Sembilan  
Tempoh: 3 Ogos 1957 - 1 April 1960

**2. Yang di-Pertuan Agong Kedua**  
Al-Marhum Tuanku Hisamuddin Alam  
Shah Al-Haj ibni Al-Marhum Sultan  
Alaiddin Sulaiman Shah  
Negeri: Selangor  
Tempoh: 14 April 1960 - 1 September  
1960

**3. Yang di-Pertuan Agong Ketiga**  
Al-Marhum Tuanku Syed Putra ibni  
Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail  
Negeri: Perlis  
Tempoh: 21 September 1960 - 20 Sep-  
tember 1965

**4. Yang di-Pertuan Agong Keempat**  
Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin  
Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal  
Abidin  
Negeri: Terengganu  
Tempoh: 21 September 1965 - 20 Sep-  
tember 1970

**5. Yang di-Pertuan Agong Kelima**  
Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam  
Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah  
Negeri: Kedah  
Tempoh: 21 September 1970 - 20 Sep-  
tember 1975

**6. Yang di-Pertuan Agong Keenam**  
Al-Marhum Tuanku Yahya Petra  
ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim  
Negeri: Kelantan  
Tempoh: 21 September 1975 - 29 Mac  
1979

**7. Yang di-Pertuan Agong Ketujuh**  
Tuanku Sultan Haji Ahmad  
Shah Al-Musta'in Billah ibni  
Al-Marhum Sultan Abu Bakar  
Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah  
Negeri: Pahang  
Tempoh: 26 April 1979 - 25 April 1984

**8. Yang di-Pertuan Agong Kelapan**  
Al-Marhum Tuanku Sultan Iskandar  
ibni Al-Marhum Sultan Ismail  
Negeri: Johor  
Tempoh: 26 April 1984 - 25 April 1989

**9. Yang di-Pertuan Agong Kesembilan**  
Al-Marhum Tuanku Sultan Azlan Muhi-  
bbuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan  
Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah  
Negeri: Perak  
Tempoh: 26 April 1989 - 25 April 1994

**10. Yang di-Pertuan Agong Kesepuluh**  
Al-Marhum Tuanku Ja'afar ibni  
Almarhum Tuanku Abdul Rahman  
Negeri: Negeri Sembilan  
Tempoh: 26 April 1994 - 25 April 1999

**11. Yang di-Pertuan Agong Kesebelas**  
Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul  
Aziz Shah Alhaj ibni Al-Marhum  
Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj  
Negeri: Selangor  
Tempoh: 26 April 1999 - 21 November  
2001

**12. Yang di-Pertuan Agong Kedua Belas**  
Tuanku Syed Sirajuddin  
ibni Al-Marhum Tuanku  
Syed Putra Jamalullail  
Negeri: Perlis  
Tempoh: 13 Disember 2001 - 12 Disem-  
ber 2006

**13. Yang di-Pertuan Agong Ketiga Belas**  
Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan  
Zainal Abidin ibni Al-Marhum Sultan  
Mahmud Al-Muktafi Billal Shah  
Negeri: Terengganu  
Tempoh: 13 Disember 2006 - 12 Disem-  
ber 2011

**14. Yang di-Pertuan Agong Keempat Belas**  
Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin  
Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam  
Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah  
Negeri: Kedah  
Tempoh: 13 Disember 2011 - Kini